

## PEMIKIRAN NASIONALISME DALAM NARATIF PANTUN MELAYU

AWANG SUFI UDIN  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[p125353@siswa.ukm.edu.my](mailto:p125353@siswa.ukm.edu.my)

ZUBIR IDRIS\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[zidris@ukm.edu.my](mailto:zidris@ukm.edu.my)

\*Pengarang Perantara

### ABSTRAK

Pemikiran nasionalisme dalam naratif pantun Melayu mencerminkan identiti, jati diri, dan semangat kebangsaan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Pantun bukan sekadar puisi tradisional, tetapi turut berperanan sebagai medium penyampaian pemikiran kolektif tentang kedaulatan, perjuangan, dan kecintaan terhadap tanah air. Perbincangan dalam makalah ini menganalisis elemen nasionalisme dalam pantun Melayu dengan meneliti tema-tema utama seperti semangat perjuangan, kepimpinan, kedaulatan, serta nilai budaya yang membentuk kesedaran kebangsaan. Data yang digunakan di dalam makalah ini diperoleh daripada koleksi pantun Melayu seperti *Pantun dan Bahasa Indah Jendela Budaya Melayu* (2013), *Pantun Jiwa Masyarakat Melayu* (2012), *Setaman Pantun Merdeka* (2007), *Pantun Pak Nazel: 101 Perkara* (2012), *Pantun Pak Nazel: Sejurus Kata Seikhlas Hati* (2017), *Kurik Kundi Merah Saga* (2002), dan *Rampai Sari Pantun* (2017). Perbincangan ini juga merungkai makna tersirat dalam pantun yang menggambarkan aspirasi politik dan sosial masyarakat Melayu. Hasil analisis mendapati bahawa pantun Melayu bukan sahaja mencerminkan pandangan dunia masyarakatnya, tetapi juga menjadi alat penting dalam membentuk pemikiran nasionalisme yang berakar umbi dalam budaya dan tradisi. Penulisan makalah ini diharapkan dapat memberikan sumbangan penting dalam memahami warisan sastera Melayu sebagai medium perjuangan nasionalisme serta membuktikan bahawa pantun tetap relevan dalam membina semangat kebangsaan dalam kalangan generasi masa kini.

**Kata Kunci:** Budaya; identiti bangsa; jati diri; nasionalisme; pantun Melayu.

### NATIONALIST THOUGHT IN MALAY PANTUN NARRATIVES

### ABSTRACT

The concept of nationalism in the narrative of Malay pantun reflects the identity, selfhood, and patriotic spirit of the Malay community across generations. Pantun is not merely a form of

traditional poetry, but also functions as a medium for conveying collective thought on sovereignty, struggle, and love for the homeland. This paper analyses the elements of nationalism embedded within Malay pantun by examining key themes such as the spirit of resistance, leadership, sovereignty, and cultural values that shape national consciousness. The data utilized in this study is drawn from various collections of Malay pantun, including *Pantun dan Bahasa Indah Jendela Budaya Melayu* (2013), *Pantun Jiwa Masyarakat Melayu* (2012), *Setaman Pantun Merdeka* (2007), *Pantun Pak Nazel: 101 Perkara* (2012), *Pantun Pak Nazel: Sejujur Kata Seikhlas Hati* (2017), *Kurik Kundi Merah Saga* (2002), and *Rampai Sari Pantun* (2017). This discussion also uncovers the implicit meanings embedded in the pantun, which illustrate the political and social aspirations of the Malay society. The analysis reveals that Malay pantun not only reflects the worldview of its people but also serves as a vital instrument in shaping a form of nationalism deeply rooted in cultural heritage and tradition. This paper aspires to make a significant contribution to the understanding of Malay literary heritage as a medium of nationalist expression and to affirm the enduring relevance of pantun in nurturing national consciousness among contemporary generations.

**Keywords:** Culture; identity; Malay pantun; nationalism; national identity.

## PENGENALAN

Pantun merupakan salah satu bentuk sastera lisan yang kaya dengan nilai estetika dan makna tersirat. Dalam tradisi Melayu, pantun bukan sekadar medium hiburan atau alat komunikasi, tetapi juga menjadi wahana untuk menyampaikan pemikiran, nilai budaya, dan ideologi masyarakatnya. Keunikan pantun terletak pada bentuknya yang terikat kepada struktur tetap dengan rangkap empat sebaris serta penggunaan rima yang berulang. Selain itu, pantun sering kali mengandungi unsur perlambangan dan kiasan yang menjadikan mesej yang disampaikan lebih mendalam dan bermakna. Dalam konteks nasionalisme, pantun berperanan sebagai alat untuk menyebarkan semangat kebangsaan, memperkuat jati diri, dan mempertahankan identiti Melayu daripada pengaruh luar.

Pemikiran nasionalisme dalam pantun Melayu telah wujud sejak dahulu lagi, khususnya dalam konteks perjuangan mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa. Hal ini dapat dilihat dalam pantun-pantun lama yang menggambarkan keberanian pahlawan, kepentingan mempertahankan tanah air, serta semangat kesatuan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat Melayu lebih-lebih lagi ketika negara sedang berusaha menggapai kemerdekaan dari kuasa kolonial. Hal ini dapat disokong dengan pernyataan Rais Yatim (2013) bahawa pantun mengandungi falsafah, pengajaran, jenaka, sindiran, prinsip perjuangan, menghargai alam sekitar, patriotisme, kenegaraan dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Pantun juga bukan sahaja mencerminkan perasaan kolektif masyarakat terhadap isu-isu politik dan sosial, tetapi juga menjadi medium untuk membangkitkan kesedaran tentang pentingnya mempertahankan maruah dan warisan bangsa.

Namun, kajian terhadap pemikiran nasionalisme dalam pantun Melayu masih kurang mendapat perhatian secara menyeluruh dan terperinci. Walaupun terdapat banyak kajian mengenai pantun sebagai sastera lisan dan bentuk komunikasi tradisional, aspek nasionalisme dalam pantun masih belum diterokai dengan mendalam. Oleh itu, perbincangan dalam makalah ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana pantun Melayu membentuk dan menyebarkan

pemikiran nasionalisme dalam kalangan masyarakatnya. Dengan memahami unsur nasionalisme yang terkandung dalam pantun, perbincangan dalam makalah ini dapat membantu memperkuuh penghargaan terhadap pantun sebagai salah satu warisan kebangsaan yang bernilai tinggi.

Sehubungan dengan itu, perbincangan ini akan memberi tumpuan kepada beberapa objektif utama. Pertama, untuk mengenal pasti elemen nasionalisme dalam pantun Melayu, termasuk tema kepahlawanan, kedaulatan, dan jati diri bangsa. Kedua, untuk mengkaji bagaimana pantun berfungsi dalam membentuk kesedaran kebangsaan dan menyebarkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat Melayu. Analisis dalam perbincangan ini juga akan meneliti pantun-pantun yang mengandungi unsur nasionalisme bagi mengenal pasti makna dan mesej yang disampaikan dalam konteks perjuangan bangsa.

Secara keseluruhannya, penelitian ini bertujuan untuk membongkar peranan pantun Melayu dalam membentuk pemikiran nasionalisme dan mengkaji bagaimana unsur-unsur nasionalisme diterapkan dalam pantun. Perbincangan ini juga berharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada usaha pemeliharaan dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap pantun sebagai satu bentuk sastera yang bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai alat pembinaan jati diri bangsa yang kukuh.

## KONSEP KAJIAN

Pantun Nasionalisme merujuk kepada semangat kebangsaan yang kuat dalam kalangan sesuatu kelompok masyarakat yang diolah ke dalam seni berbahasa dan budaya masyarakat Melayu yang telah wujud sejak sekian lama. Dalam konteks penelitian ini, nasionalisme ditafsirkan sebagai kesedaran dan kesetiaan terhadap identiti kebangsaan, yang tercermin melalui sastera lisan seperti pantun Melayu. Nasionalisme dalam pantun tidak hanya terbatas kepada aspek politik atau perjuangan menentang penjajahan, tetapi turut mencakupi unsur jati diri, kebudayaan, dan warisan yang menjadi asas kepada identiti sesuatu bangsa.

Menurut Ernest Gellner (2015) dalam *Nations and Nationalism*, nasionalisme muncul sebagai satu bentuk kesedaran kolektif dalam masyarakat yang mempunyai sejarah dan budaya yang sama. Dalam tradisi Melayu, pantun telah digunakan sebagai medium untuk menyebarkan kesedaran kebangsaan dan mempertahankan identiti Melayu. Benedict Anderson (2006) dalam *Imagined Communities* pula menyatakan bahawa nasionalisme adalah satu bentuk imaginasi sosial yang diwujudkan melalui bahasa dan budaya. Pantun, sebagai bentuk sastera lisan, menjadi alat yang menghubungkan individu dengan komuniti mereka melalui mesej yang terkandung di dalamnya.

Dalam karya *Nationalism: Its Meaning and History* (1965), Hans Kohn mentakrifkan nasionalisme sebagai suatu pemikiran yang berkembang menjadi hasrat dan sentimen, dipengaruhi oleh pelbagai pengalaman hidup masyarakat dalam sesuatu kawasan. Hasrat dan sentimen ini seterusnya membangkitkan kesedaran dalam kalangan anggota masyarakat untuk menyumbang melalui aktiviti-aktiviti yang tersusun, dengan matlamat utama menegakkan sebuah negara yang berdaulat. Nasionalisme dalam pantun Melayu dapat dilihat dalam pelbagai bentuk, antaranya melalui semangat perjuangan, kepentingan mempertahankan tanah air, serta nilai-nilai yang membentuk jati diri bangsa.

Justeru, penulisan makalah ini bertujuan untuk mengkaji dan meneliti kearifan lokal dalam tradisi lisan kesusasteraan Melayu, khususnya dalam perkembangan pantun nasionalisme yang semakin mendapat tempat dalam penulisan pantun Melayu. Pemilihan pantun daripada pelbagai teks sebagai bahan utama kajian adalah relevan kerana pantun sejak dahulu berfungsi sebagai medium penyampaian nasihat. Selain itu, penggunaan pantun dalam konteks masa kini telah melangkaui batas etnik, menjadikannya alat perpaduan yang berkesan serta mudah diterima oleh masyarakat dari pelbagai latar belakang. Dengan sifatnya yang universal, pantun berpotensi besar dalam memperkuuhkan nilai nasionalisme dan menyatukan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

### METODOLOGI KAJIAN

Perbincangan dalam makalah ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menganalisis pemikiran nasionalisme dalam naratif pantun Melayu. Pendekatan ini dipilih kerana ia lebih sesuai untuk memahami teks sastera yang sarat dengan simbolisme, kiasan, dan makna tersirat. Dalam perbincangan ini, metodologi yang digunakan melibatkan analisis teks dan pendekatan hermeneutik bagi meneliti bagaimana unsur nasionalisme diterapkan dalam pantun Melayu. Melalui analisis yang mendalam, penelitian ini bertujuan untuk mengenal pasti mesej kebangsaan yang disampaikan dalam pantun serta bagaimana ia membentuk pemikiran masyarakat Melayu terhadap konsep nasionalisme dan jati diri bangsa.

Pengumpulan data dalam perbincangan makalah ini dilakukan melalui kaedah kajian perpustakaan yang merangkumi sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada koleksi pantun Melayu klasik yang terdapat dalam manuskrip lama, buku-buku sastera Melayu, serta dokumentasi lisan yang telah direkodkan oleh para sarjana terdahulu. Pantun yang dipilih untuk dianalisis adalah yang mempunyai unsur nasionalisme, seperti pantun yang mengangkat tema kepalawanan, cinta tanah air, dan perpaduan bangsa. Sumber sekunder pula terdiri daripada kajian ilmiah dalam bentuk buku, artikel jurnal, dan tesis yang membincangkan aspek nasionalisme dalam kesusasteraan Melayu. Kajian terdahulu oleh sarjana seperti Abdul Aziz Abdul Rahman, et. al (2019), Muhammad Haji Salleh (2000), dan pengelasan elemen nasionalisme bersandarkan kepada takrifan Hans Kohn (1965) turut dirujuk untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pantun berperanan dalam membawa semangat nasionalisme sekali gus membentuk pemikiran kebangsaan dalam masyarakat Malaysia.

Dalam proses analisis data, pendekatan utama yang digunakan ialah analisis tekstual. Analisis tekstual memberi tumpuan kepada struktur dan bentuk pantun, termasuk skema rima, pemilihan kata, serta penggunaan perlambangan dan kiasan dalam menyampaikan mesej nasionalisme. Dengan meneliti elemen-elemen ini, penelitian ini dapat mengenal pasti bagaimana pantun bukan sahaja menjadi alat komunikasi budaya tetapi juga wahana untuk menanam semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu. Dalam konteks ini, pantun yang mengandungi elemen perjuangan, kedaulatan, dan semangat patriotisme dianalisis secara mendalam bagi memahami mesej yang ingin disampaikan oleh penciptanya.

Justifikasi pemilihan metodologi ini adalah berdasarkan kesesuaian pendekatan kualitatif dalam menganalisis teks sastera yang kaya dengan unsur budaya dan simbolisme. Pendekatan kuantitatif yang bersifat statistik tidak sesuai digunakan dalam kajian ini kerana pantun bukan sekadar satu bentuk komunikasi lisan tetapi juga medium penyampaian nilai dan ideologi masyarakat Melayu. Melalui metodologi ini, perbincangan ini dijangka dapat menggali

pemikiran nasionalisme yang terkandung dalam pantun dengan lebih berkesan serta memahami bagaimana pantun digunakan sebagai alat untuk menyebarkan semangat kebangsaan.

Kesimpulannya, metodologi yang digunakan dalam perbincangan makalah ini disusun secara sistematik untuk memastikan kajian dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pendekatan kualitatif digunakan kerana ia paling sesuai untuk menganalisis teks sastera yang penuh dengan makna tersirat. Pengumpulan data dilakukan melalui kajian perpustakaan dengan meneliti sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan pantun Melayu dan nasionalisme. Dengan menggunakan metodologi yang teliti dan berstruktur, penelitian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang sastera Melayu serta memperkuuh penghargaan terhadap pantun sebagai warisan kebangsaan yang berperanan dalam membentuk jati diri bangsa.

## PENELITIAN ELEMEN NASIONALISME DALAM PANTUN MELAYU

Kepengarangan pantun Melayu ternyata masih aktif meskipun telah mengalami perubahan dari aspek estetik dan artistik sejak dahulu lagi. Penerapan unsur alam yang menjadi idea utama sebagai pembayang pantun, masih terngiang dan dinikmati sepenuhnya oleh para sarjana dan pengemarnya. Pada masa kini, pantun dilihat lebih berfokus dengan kurangnya elemen kiasan dan berkisar kepada isu dan penelitian semasa. Muhammad Haji Salleh (2000) ada menyatakan bahawa elemen baharu yang digunakan masih bertujuan untuk menyampaikan hasrat pengarang dengan berkesan menerusi citra yang dilukis oleh bahasa.

Dalam usaha mencerap elemen nasionalisme dalam pantun Melayu, kepengarangan pantun nasionalisme itu sendiri adalah satu lahan sastera puisi yang baharu dan tidak wujud secara literal sehingga terbentuknya sistem masyarakat bernegara yang sistematik dan kompleks. Dalam konteks ini, elemen nasionalisme haruslah dinilai dalam skop yang lebih luas tanpa memfokuskan kepada elemen perkauman dan agama yang lebih rumit. Abdul Aziz Abdul Rahman, et. al (2019) menjelaskan bahawa negara Malaysia telah menggariskan prinsip Rukun Negara yang perlu diteladani oleh setiap warganegara dan falsafah yang terkandung di dalamnya adalah kunci kepada perpaduan di negara ini. Oleh yang demikian, elemen nasionalisme yang terdapat di dalam pantun Melayu adalah berlandaskan prinsip Rukun Negara dan falsafah yang terkandung di dalamnya.

Selain itu, pengelasan elemen nasionalisme tersebut adalah bersandarkan kepada takrifan Hans Kohn (1965) yang menekankan kewajiban individu untuk bukan sahaja untuk menonjolkan keperibadian, malah meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat yang bernaung di bawah negara yang sama. Penjelasan yang dikemukakan oleh Kohn mengenai takrifan nasionalisme tersebut bersesuaian dengan falsafah Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970. Perlu ditegaskan juga bahawa prinsip Rukun Negara adalah bersifat terbuka tanpa memfokuskan kepada mana-mana entiti kaum, menjadikannya sebagai alat perpaduan multi-etnik yang berkesan dan wajar diteliti sedalamnya.

Hasil penelitian terhadap data pantun Melayu yang telah dikumpulkan, didapati terdapat tujuh cadangan elemen nasionalisme utama yang bersesuaian. Ketujuh-tujuh elemen tersebut turut mengandungi sub-elemen bagi huraiyan yang lebih luas dan mendalam. Berikut adalah rajah yang menunjukkan pengelasan elemen tersebut:

JADUAL 1. Cadangan Elemen dan Sub-elemen Nasionalisme di Malaysia

Elemen dan Sub-elemen Nasionalisme			
Patriotisme	Perpaduan	Nilai Agama	Hak Asasi
Cintakan Tanah Air	Kesatuan	Kesopanan	Kesihatan
Semangat Juang	Integrasi	Kesusilaan	Pendidikan
Penghayatan Sejarah	Keharmonian	Toleransi	Kedaulatan Undang-Undang
Membela Maruah	Kemuafakatan	Kasih Sayang	Pekerjaan
Taat Setia	Kemajmukan	Keprihatinan	Politik

JADUAL 2. Cadangan Elemen dan Sub-elemen Nasionalisme di Malaysia

Elemen dan Sub-elemen Nasionalisme		
Pembangunan Negara	Kelestarian Budaya	Keamanan
Ekonomi	Kesenian	Hubungan Diplomatik
Infrastruktur	Adat	Kesiagaan
Kesejahteraan Sosial	Bahasa	Pertahanan
Persekuturan Dinamik	Gastronomi Tempatan	Maklumat & Risikan
	Pakaian Tradisional	

Berdasarkan Rajah 1 dan 2, pengelasan tujuh elemen nasionalisme yang berlandaskan prinsip dan falsafah Rukun Negara adalah yang dapat dicerap daripada data pantun Melayu yang telah dikumpulkan. Huraian mengenai elemen yang dicadangkan boleh dilihat seperti yang berikut:

### **Patriotisme**

Patriotisme yang terkandung di dalam cadangan elemen nasionalisme di Malaysia juga merupakan antara yang perlu ditelaah, kerana hubung kait yang jelas dalam usaha memperlihatkan nasionalisme di sesebuah negara. Institusi masyarakat yang mempunyai semangat patriotisme yang jitu, dapat menunjukkan tahap nasionalisme yang tinggi di dalam sesebuah negara, lantas berupaya meningkatkan imej negara sewajarnya.

### **Perpaduan**

Perpaduan merupakan kunci utama dalam mencapai makna nasionalisme. Perpaduan boleh diterjemahkan sebagai tiang utama yang menyokong keharmonian dan kestabilan sesebuah negara. Dalam konteks negara Malaysia, perpaduan adalah satu perkara yang perlu ditekankan kerana kepelbagaiannya etnik dan fahaman yang turut bernaung bersama. Tanpa adanya perpaduan, mustahil wujudnya sebuah negara berdaulat yang mampu bertahan dari sebarang konflik dalaman maupun luaran.

### **Nilai Agama**

Nilai murni yang boleh dicerap menerusi agama juga mempunyai peranan signifikan dalam mengangkat tema nasionalisme di negara ini. Meskipun agama Islam diperuntukkan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, ia tidak menghadkan pengamalan agama-agama lain

yang diamalkan dengan aman dan damai dalam mana-mana bahagian Persekutuan. Variasi agama yang terdapat di Malaysia mewujudkan satu ruang persamaan bagi mencerap nilai murni yang sesuai bagi sebuah masyarakat majmuk.

### **Hak Asasi**

Penyatuan yang berlaku di sesebuah negara pastinya menimbulkan soal hak asasi masyarakat yang bernaung di bawahnya. Kegagalan sesebuah negara dalam menjaga hak asasi sosial pasti tidak dapat memungkinkan tercapai makna nasionalisme yang sebenar. Perkara 5(1) dalam Perlembagaan Persekutuan juga menyatakan dengan jelas bahawa tiada mana-mana individu boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Hak asasi sosial yang dilindungi sepenuhnya oleh autoriti merupakan indikator keseimbangan antara pentadbiran dan kebijakan masyarakat yang bakal mewujudkan kesan positif dalam jangka masa yang panjang.

### **Pembangunan Negara**

Elemen nasionalisme pastinya melibatkan soal pembangunan negara yang mencakupi pelbagai hal. Misalnya, ekonomi dan kesejahteraan rakyat yang dirancang teliti bagi mencapai taraf negara maju, mampu mengangkat darjah sesebuah negara yang berdaulat. Elemen nasionalisme pastinya tidak dapat dikecap sepenuhnya, sekiranya sesebuah negara hanya mementingkan soal jiwa tanpa mendahului kepentingan rakyat sewajarnya.

### **Kelestarian Budaya**

Kelestarian budaya juga dapat dikelompokkan sebagai salah satu daripada elemen nasionalisme di Malaysia. Peranan yang dimainkan dalam usaha melestarikan budaya di negara ini pastinya dapat memangkitkan semangat nasionalisme dengan berkesan. Kepelbagaian etnik turut mewarnai variasi budaya yang dapat dirangkumkan dalam usaha mencapai makna nasionalisme.

Dasar Kebudayaan Negara (2021) yang disediakan oleh Kementerian Seni dan Budaya Malaysia juga telah menggariskan misi untuk menjadi mekanisme bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang mengamalkan budaya nilai tinggi dan mengukuhkan keharmonian dalam kalangan rakyat yang meletakkan pencapaian tinggi berteraskan tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan.

### **Keamanan**

Keamanan merupakan satu elemen yang sangat penting dalam sesebuah negara. Tanpa keamanan, segala usaha dan cita-cita untuk mencapai sebuah negara berdaulat akan menjadi sukar. Aspek penting terkandung dalam kepentingan sub-elemen keamanan dalam nasionalisme adalah bertujuan bagi mempertahankan kedaulatan, menjaga keseimbangan negara dan sosial, memberikan perlindungan kepada hak asasi dan warganegara Malaysia. Negara yang aman pastinya dapat mendorong pertumbuhan ekonomi, sekaligus berupaya memperbaiki taraf hidup sosial dengan berkesan.

Secara ringkasnya, cadangan elemen nasionalisme yang telah dinyatakan adalah berlandaskan kepada prinsip Rukun Negara dan disesuaikan dengan takrifan nasionalisme Kohn

dari konteks negara Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa masih ada banyak ruang mahupun penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap pengelasan elemen nasionalisme yang lebih sesuai pada masa akan datang.

### PEMIKIRAN NASIONALISME DALAM PANTUN MELAYU

Pantun Melayu adalah khazanah bangsa yang diwarisi sejak dahulu lagi. Pengamatan terhadap alam sekeliling sebelum diolah menjadi rangkapan lisan yang indah-indah mencerminkan ketinggian akal budi tempatan yang dimiliki oleh bangsa Melayu. Muhammad Haji Salleh (2000) turut menyatakan bahawa keindahan yang terkandung di dalam pantun dapat dilihat menerusi citra yang telah diperhebat, dihaluskan dan dicantikkan menerusi rasa estetik pengarang yang mengolahnya kembali.

Fungsi pantun yang luwes, yang digunakan secara bersahaja dalam pertuturan harian, sebagai nasihat dan pedoman kepada khalayak nyata masih dikekalkan sehingga kini. Walaupun pantun kini dituturkan ketika majlis formal dan urusan perkahwinan sahaja, terdapat evolusi yang nyata dari aspek penuturnya yang tidak lagi berdarah Melayu semata-mata. Pantun pada masa kini lebih fleksibel dan terbuka untuk dinikmati keindahannya oleh setiap individu di Malaysia. Kebiasaan penggunaan pantun ketika majlis rasmi boleh dianggap sebagai katalis penyebaran pantun melangkaui bangsa di negara ini.

Pantun nasionalisme yang muncul sebagai genre baharu sastera lisan, membuktikan kearifan lokal yang mampu berasimilasi dan berwibawa sepanjang zaman. Berdasarkan cadangan elemen yang telah dinyatakan sebelumnya, sejumlah data pantun yang diteliti mengandungi elemen nasionalisme yang kuat di dalamnya. Data pantun yang dikumpulkan menerusi teks dan laman sesawang portal pantun Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA UKM) dapat dilihat pada jadual yang berikut:

Jumlah data pantun terkumpul yang mengandungi elemen nasionalisme menerusi teks dan portal adalah sebanyak 298 rangkap. Bagi teks *Kurik Kundi Merah Saga* (2002), sebuah teks yang mengandungi koleksi pantun sebanyak 5154 rangkap turut memperlihatkan peratusan yang kecil elemen nasionalisme yang boleh dicerap menerusinya. Kedua-dua teks tersebut juga adalah rangkuman daripada pantun Melayu tradisional yang sering diperdengarkan kepada khalayak dan masih mengekalkan fungsi dan tema tradisi yang sering digunakan oleh para pujangga dalam mengarang pantun.

Manakala bagi teks *Pantun Pak Nazel (101 Perkara)* (2012), *Pantun Pak Nazel (Sejurus Kata Seikhlas Hati)* (2017), *Setaman Pantun Merdeka* (2007), *Rampai Sari Pantun* (2017) dan *Pantun: Jiwa Masyarakat Melayu* (2012) yang dihasilkan oleh pujangga masa kini memperlihatkan teknik dan tema kepengarangan pantun yang lebih terbuka, namun masih mengekalkan sistem konvensional pantun Melayu seperti yang diwariskan sejak dahulu lagi.

Berdasarkan cadangan elemen nasionalisme yang disenaraikan, elemen patriotisme merupakan elemen yang sering dilihat terkandung di dalam penulisan pantun nasionalisme. Semangat patriotisme yang merupakan antara elemen utama kepada prinsip nasionalisme, berkisarkan kepada semangat cinta dan bangga akan tanah air dapat dilihat menerusi rangkap pantun yang berikut:

Kepah seraga diberi jejaka,  
Diterima dara basuh di selat,

Sumpah warga bumi merdeka,  
Bela negara kukuh berdaulat.

(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 126)

Mayang bukan sebarang mayang,  
Mayang kelapa tangkainya panjang,  
Sayang bukan sebarang sayang,  
Sayangkan negara sanggup berjuang.

(*Pantun: Jiwa Masyarakat Melayu*, 2012: 40)

Pantun pertama, membawa mesej nasionalisme yang kuat melalui lambang sumpah setia rakyat kepada tanah air yang merdeka. Sumpah warga dalam konteks ini membawa maksud kesetiaan rakyat terhadap negara yang telah mencapai kemerdekaan. Frasa “bela negara kukuh berdaulat” pula menegaskan tanggungjawab rakyat untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara dengan penuh tekad dan kesungguhan. Secara tersirat, pantun ini mengungkapkan satu kontrak sosial antara rakyat dan negara yang bersifat dua hala iaitu negara menyediakan kebebasan dan keamanan, manakala rakyat pula menjunjung tanggungjawab mempertahankan maruah dan kedaulatan negara.

Pantun kedua pula menggunakan metafora “mayang” dan “sayang” bagi membentuk rangka emosi yang mengaitkan rasa kasih terhadap negara dengan nilai kesetiaan yang mendalam. Mayang kelapa sebagai simbol yang melambangkan kesinambungan dan hasil bumi, menjadi lambangkekayaan alam yang dimiliki oleh tanah air. Tangkainya yang panjang pula boleh memberi isyarat kepada kesinambungan perjuangan dan pengorbanan generasi terdahulu yang tidak pernah putus demi mempertahankan tanah air. Seterusnya, bait “sayang bukan sebarang sayang” membawa maksud bahawa kasih terhadap negara bukan bersifat retorik atau sentimental semata-mata, sebaliknya memerlukan pengorbanan dan tindakan nyata. Frasa “sanggup berjuang” menyiratkan bahawa semangat nasionalisme tidak hanya ditunjukkan melalui kata-kata, tetapi mesti diterjemahkan dalam bentuk keberanian dan usaha mempertahankan kepentingan negara dalam apa jua keadaan. Dalam erti kata lain, pantun ini memperlihatkan nasionalisme sebagai satu bentuk kasih sayang aktif dan bertanggungjawab terhadap tanah air.

Seterusnya, pantun nasionalisme turut memaparkan unsur perpaduan yang tinggi dalam makna yang cuba disampaikan. Pembinaan sebuah negara bangsa yang berdaulat dan harmoni memerlukan masyarakat yang bersatu padu dan kemauafakatan yang tinggi dalam mencapai impian tersebut. Antara pantun yang menonjolkan unsur perpaduan dapat dicerap menerusi rangkap pantun yang berikut:

Batang kelapa dipotong-potong,  
Tiap satu tidak disukat,  
Bulat air kerana pembetung,  
Bulat manusia kerana muafakat.

(*Kurik Kundi Merah Saga*, 2013: 574)

Atas para sayur peria,  
Kacang kelisa sama laksa,

Tiada negara selain Malaysia,  
Pelbagai bangsa hidup Sentosa.  
(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 114)

Pantun pertama mengangkat konsep muafakat sebagai asas utama kepada perpaduan dan kestabilan masyarakat. Bahagian pembayang pantun menggambarkan tindakan memotong batang kelapa tanpa ukuran yang jelas, memberikan gambaran tentang ketidakseimbangan atau ketidakteraturan dalam sesuatu tindakan sekiranya tidak dilakukan dengan persetujuan atau aturan. Pada bahagian maksud pula memberikan pengajaran bahawa kesepaduan masyarakat itu terletak pada kemampuan untuk mencapai kata sepakat, sepetimana air yang mengalir dalam saluran yang tertutup dan terkawal. Dalam konteks tersirat, pantun ini menggambarkan hakikat bahawa masyarakat yang bersatu atas dasar muafakat akan lebih stabil dan berfungsi secara harmoni. Peribahasa “bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat” yang digunakan dalam pantun ini tidak hanya berperanan sebagai hiasan bahasa, tetapi berfungsi sebagai prinsip asas pembinaan negara bangsa yang teguh. Dalam suasana kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia, muafakat bukan sahaja menjadi ideal sosial, tetapi keperluan praktikal dalam menjamin kelangsungan dan keharmonian nasional.

Seterusnya, pantun kedua menegaskan keunikan Malaysia sebagai tanah air yang tidak dapat diganti atau ditukar ganti oleh warganya. Pada baris maksud menzhirkan rasa kesyukuran dan kebanggaan terhadap negara Malaysia, di samping mengangkat ideal kehidupan harmoni dalam kepelbagaian kaum. Frasa “pelbagai bangsa hidup sentosa” membawa mesej nasionalisme yang inklusif dan progresif, yakni nasionalisme yang tidak dibina atas dominasi satu kaum, tetapi atas prinsip persefahaman, penghormatan dan penerimaan terhadap kepelbagaian. Bagi maksud tersirat, pantun ini menolak fahaman sempit yang hanya meraikan keseragaman, sebaliknya menampilkkan idea bahawa kekuatan Malaysia terletak pada keupayaannya merangkumi pelbagai identiti dalam satu kesatuan kebangsaan.

Nilai agama layak dirangkumkan bersama dalam elemen nasionalisme kerana peranannya dalam mendidik dan mengasuh keperibadian masyarakat dengan nilai murni. Kesopanan dan kesusilaan yang diterapkan oleh semua agama yang terdapat di negara ini dapat disimpulkan bersama bagi tujuan pendidikan rohani masyarakat di Malaysia. A. Aziz Deraman (2000) ada menyatakan bahawa kerohanian yang dipupuk daripada nilai agama dan budaya berhasil dari nilai positif sesuatu kaum yang mempunyai pegangan serta pemahaman agama yang mantap. Pantun yang menerapkan nilai agama dapat dilihat seperti yang berikut:

Hutan tropika warisan berzaman,  
Flora dan fauna menggamit pelancong,  
Dalam sibuk mengejar kejayaan,  
Negara dipelihara agama dijunjung.  
(*Setaman Pantun Merdeka*, 2007: 16)

Kalau pergi ke tanjung batu,  
Kirimkan saya sebatang lilin;  
Kita bangsa bersatu padu,  
Siraturahmi sentiasa terjalin.  
(Portal pantun ATMA)

Pantun pertama memperlihatkan hubungan erat antara pembangunan negara dan tanggungjawab moral terhadap penjagaan agama dan nilai tradisi. Secara tersurat, baris pembayang menonjolkan keindahan dankekayaan semula jadi Malaysia iaitu hutan tropika, flora dan fauna sebagai warisan yang bukan sahaja bernilai dari sudut ekologi, tetapi juga sebagai aset pelancongan yang memberi manfaat ekonomi. Dalam baris maksud, penyair mengingatkan bahawa dalam keghairahan membangunkan negara dan mengejar kemajuan, nilai spiritual serta pegangan agama tidak boleh diabai. Frasa “negara dipelihara agama dijunjung” membawa makna bahawa kekuatan sesebuah bangsa bukan terletak pada kemajuan material semata-mata, tetapi pada keseimbangan antara pembangunan fizikal dan kemantapan rohani. Secara tersirat, pantun ini menjadi suatu bentuk peringatan bahawa jati diri bangsa dan kelangsungan negara yang merdeka hanya dapat dijamin apabila agama dijadikan tunjang, manakala pembangunan dilaksanakan dalam kerangka etika dan tanggungjawab sosial.

Pantun kedua pula merupakan pengungkapan yang jelas terhadap semangat nasionalisme melalui penekanan terhadap kesatuan dan hubungan erat antara anggota masyarakat. Pada baris maksud, pengkarya menzahirkan hasrat dan seruan agar rakyat mengekalkan semangat kebangsaan berteraskan perpaduan, dengan frasa “bangsa bersatu padu” yang menekankan solidariti sebagai asas kekuatan negara. Perkataan “siraturahmi” menambah lapisan makna penting kerana ia merujuk kepada hubungan sosial yang bersifat kekeluargaan dan kasih sayang yang melangkaui perbezaan etnik dan agama. Secara tersirat, pantun ini menyampaikan aspirasi bahawa perpaduan bukan hanya satu strategi politik, tetapi suatu bentuk hubungan kemanusiaan yang perlu dipelihara melalui komunikasi, saling menghormati, dan keikhlasan dalam berinteraksi.

Kepelbagai etnik yang terdapat di negara ini turut memunculkan variasi agama dan pegangan yang dianuti oleh setiap warganegara. Setiap falsafah agama yang terdapat di negara ini menjurus kepada nilai positif dan bersesuaian dengan pengamalannya di Malaysia. Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(1) yang memperuntukkan kebebasan beragama selagi ia diamalkan secara aman damai. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa agama di negara ini berupaya di eksloitasi ke arah pembangunan struktur sosial masyarakat yang harmoni dan saling hormat menghormati.

Elemen nasionalisme seterusnya yang dapat ditemukan menerusi pantun Melayu ialah hak asasi. Sebuah negara berdaulat yang makmur dan sentosa pasti tidak menyekat hak asasi warganegara yang bernaung di bawahnya. Elemen hak asasi yang dapat dilihat menerusi pantun nasionalisme adalah seperti yang berikut:

Duduk berhadap membaca hikayat,  
Penuh cermat berhati-hati,  
Prihatin terhadap keperluan rakyat,  
Menjadi matlamat pemimpin sejati.

(*Pantun Pak Nazel: Sejurus Kata Seikhlas Hati*, 2017: 194)

Atapnya genting dindingnya papan,  
Emas disadur pada tiangnya,  
Ilmu penting dalam kehidupan,

Maju mundur bergantung padanya.  
(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 81)

Pantun pertama menzahirkan prinsip utama dalam etika kepimpinan menurut falsafah Melayu, iaitu keprihatinan dan tanggungjawab terhadap rakyat. Baris pembayang menunjukkan suasana penuh adab dan tertib ketika membaca hikayat yang merupakan lambang tradisi intelektual yang menjadi warisan bangsa. Perbuatan membaca hikayat bukan sahaja dilihat sebagai aktiviti pengisian minda, tetapi juga suatu amalan budaya yang memupuk kebijaksanaan dan pengajaran moral daripada kisah-kisah lampau. Dalam baris maksud, pengkarya menegaskan bahawa pemimpin yang sejati ialah mereka yang meletakkan kepentingan rakyat sebagai teras tindakan dan pertimbangan. Secara tersurat, pantun ini menyampaikan mesej bahawa keberkesanan kepimpinan terletak pada kepekaan sosial dan keikhlasan dalam berkhidmat. Dalam dimensi tersirat, pantun ini mengangkat konsep daulat dan amanah dalam budaya Melayu, di mana seseorang pemimpin bukan sahaja dipertanggungjawabkan dalam konteks pentadbiran, tetapi juga dari segi moral dan spiritual.

Pantun kedua pula memperkuuh lagi mesej mengenai ilmu pengetahuan sebagai asas kepada kemajuan individu dan kolektif. Pada rangkapan maksud, pengkarya menegaskan bahawa ilmu merupakan faktor penentu utama kepada maju mundurnya seseorang insan maupun sesebuah negara. Secara tersurat, mesej ini sangat jelas iaitu kepentingan ilmu tidak boleh disangkal. Namun secara tersirat, pantun ini mengingatkan masyarakat bahawa tanpa ilmu, kemajuan fizikal dan material hanyalah bersifat sementara dan rapuh. Justeru, keutamaan perlu diberikan kepada penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang sebagai teras kepada daya saing dan kelangsungan hidup bangsa dalam arus globalisasi yang mencabar.

Bagi elemen nasionalisme seterusnya, pembangunan negara adalah aspek yang penting untuk ditekankan bagi sebuah negara berdaulat. Kewujudan negara semata-mata tanpa adanya pembangunan yang terancang dan kondusif dengan masyarakat bakal memunculkan tanggapan buruk kepada negara tersebut. Antara contoh pantun nasionalisme yang memperkatakan tentang pembangunan negara ialah:

Pagi-pagi mengail haruan,  
Kerbau ditambat tumangnya lekang,  
Zaman teknologi zaman kemajuan,  
Siapa terlambat tinggal ke belakang.  
(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 113)

Menjelang subuh membawa ubur,  
Memetik sukun ke dalam guni,  
Ekonomi kukuh pelajaran subur,  
Rakyat rukun dalam harmoni.  
(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 204)

Berdasarkan rangkapan pantun di atas, gambaran kemajuan dan keharmonian negara adalah indikasi kepada kejayaan perancangan terhadap pembangunan negara. Sebuah negara yang maju dan membangun mampu memenuhi segala hasrat yang diminta oleh rakyat, lantas

mengekalkan kestabilan negara. Kesan positif daripada pembangunan negara juga berupaya mengangkat status sesebuah negara di mata dunia.

Pantun pertama membuka dengan suasana kehidupan kampung yang berteraskan kegiatan tradisional seperti mengail dan mengurus ternakan. Frasa “mengail haruan” dan “kerbau ditambat” memberikan latar konteks kepada kehidupan agraria yang bersifat statik dan perlahan, suatu petanda bahawa masyarakat dahulu berasaskan kitaran semula jadi dan masa yang tidak mendesak. Namun, baris ketiga dan keempat mengubah nada dan arah pemikiran kepada satu bentuk peringatan yang bersifat kontemporari. Frasa “zaman teknologi zaman kemajuan” menyatakan bahawa masyarakat kini berada dalam era perubahan yang pesat, didorong oleh kemajuan teknologi dan inovasi. Pernyataan ini mengandungi unsur deskriptif dan normatif. Deskriptif dari segi kenyataan bahawa teknologi kini menguasai pelbagai aspek kehidupan, dan normatif dari segi mesej halus bahawa masyarakat harus bersedia menghadapi perubahan tersebut. Frasa “siapa terlambat tinggal ke belakang” membawa nada peringatan yang tajam, memperlihatkan bahawa dalam dunia yang kompetitif, kelewatan dalam menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa akan mengakibatkan ketinggalan dan mungkin juga kemunduran. Secara tersirat, pantun ini menggesa agar masyarakat Melayu dan rakyat Malaysia keseluruhannya untuk tidak bersikap alpa atau terlalu nostalgik terhadap masa lalu sehingga mengabaikan keperluan untuk bergerak seiring dengan arus globalisasi dan transformasi digital.

Sementara itu, pantun kedua memperlihatkan kesinambungan tema pembangunan tetapi dari sudut keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan pendidikan serta keharmonian sosial. Baris pembayang seperti “menjelang subuh membawa ubur” dan “memetik sukun ke dalam guni” mengekalkan latar suasana kehidupan desa yang tertib, rajin dan bersifat kolektif. Gambaran aktiviti harian seperti membawa pelita dan mengutip hasil tanaman merupakan simbolik kepada usaha gigih dan daya juang dalam kehidupan harian rakyat. Ia sekaligus menyampaikan bahawa kemajuan bermula dari semangat kerja keras dan kesedaran terhadap nilai masa. Baris maksud yang menyusul, “ekonomi kukuh pelajaran subur, rakyat rukun dalam harmoni,” menggariskan tiga elemen utama dalam pembinaan negara yang berjaya: kekuatan ekonomi, kemakmuran ilmu, dan perpaduan sosial. Frasa “ekonomi kukuh” menunjukkan keperluan asas bagi sesebuah negara untuk mencapai kestabilan dan daya saing, manakala “pelajaran subur” merujuk kepada keberkesanan sistem pendidikan yang menjadi nadi utama pembangunan modal insan. Kedua-dua aspek ini seterusnya membawa kepada “rakyat rukun dalam harmoni”, iaitu kemuncak kepada kejayaan nasional apabila kemajuan material dan intelektual disusuli dengan kestabilan sosial dan keharmonian antara komuniti.

Pantun Melayu yang umumnya dikenali sebagai khazanah bangsa Melayu menunjukkan nilai falsafah tinggi yang terkandung di dalamnya. Khazanah budaya yang dapat dicerap menerusi pantun turut berupaya diterjemahkan sebagai elemen nasionalisme yang bersesuaian dengan sudut pandang tempatan. Kelestarian budaya merupakan antara cadangan elemen nasionalisme dapat dilihat menerusi pantun yang berikut:

Pondok menjadi bangsal,  
Bangsal ada di hujung desa,  
Usul menunjukkan asal,  
Bahasa menunjukkan bangsa.

(Kurik Kundi Merah Saga, 2013: 381)

Dara ayu berkain kasah,  
Habis basah meranduk paya,  
Pantun dan Melayu tak boleh pisah,  
Andai dipisah pudarlah budaya.

(*Rampai Sari Pantun*. 2017: 122)

Pantun pertama memaparkan keutuhan konsep identiti dalam budaya Melayu yang terikat erat dengan asal usul dan bahasa pertuturan. Dalam ungkapan “Usul menunjukkan asal, Bahasa menunjukkan bangsa” terdapat suatu prinsip penting bahawa pemahaman terhadap asal usul atau sejarah diri adalah asas kepada pembentukan identiti peribadi dan kolektif. Bahasa pula dilihat bukan sekadar alat komunikasi, tetapi sebagai lambang kewujudan dan kebangsaan. Secara tersurat, pantun ini menegaskan bahawa bahasa ialah indikator utama kepada pengenalan sesuatu bangsa, manakala secara tersirat, ia menyampaikan kebimbangan terhadap kemerosotan martabat bahasa Melayu dalam era globalisasi yang cenderung mengangkat bahasa asing sebagai lambang kemajuan. Dalam hal ini, pantun menjadi seruan halus kepada masyarakat agar mempertahankan bahasa ibunda kerana di situlah letaknya maruah dan kelangsungan sesuatu bangsa. Sekiranya bahasa diabaikan, maka lenyaplah pengenalan terhadap asal dan hilanglah nilai budaya yang diwarisi sejak turun-temurun.

Pantun kedua mengangkat pantun sebagai lambang warisan budaya Melayu yang tidak dapat dipisahkan daripada identiti bangsanya. Dalam baris maksud, hubungan antara pantun dan orang Melayu diangkat ke tahap simbolik yang tinggi. Pantun digambarkan sebagai sebahagian daripada roh budaya Melayu, dan sekiranya kedua-duanya dipisahkan, maka akan pudarlah keseluruhan tamadun dan jati diri bangsa. Secara tersurat, pantun ini menegaskan bahawa pantun merupakan sebahagian daripada struktur identiti Melayu. Manakala secara tersirat, ia memberi peringatan bahawa peminggiran atau pengabaian terhadap puisi tradisional seperti pantun akan mengakibatkan keruntuhan nilai dan kehilangan akar budaya dalam masyarakat. Dengan itu, pengabaian terhadap pantun membawa implikasi yang serius kepada kelangsungan budaya Melayu itu sendiri.

Kelestarian budaya merangkumi pelbagai perkara seperti kesenian, adat, bahasa, gastronomi tempatan dan pakaian tradisional. Tidak dinafikan bahawa budaya boleh mencakupi skop yang lebih luas berbanding yang telah dinyatakan sebelumnya. Menerusi pantun Melayu, perihal budaya adalah antara tema yang sering didendangkan oleh para pujangga masa lalu dan kini. Menariknya, pujangga pada masa kini didapati tidak lagi mengolah kebudayaan di dalam pantun yang berfokus kepada bangsa Melayu sahaja, malah turut memerikan budaya bangsa lain yang turut bernaung di negara ini.

Keamanan merupakan kunci kepada kesejahteraan hidup sebuah negara. Tanpa keamanan, negara akan sentiasa bergolak dan mustahil dapat mengecap kemakmuran bagi kesejahteraan hidup rakyat. Antara pantun yang dicerap mempunyai elemen keamanan dapat dilihat seperti yang berikut:

Kepah seraga diberi jejaka,  
Diterima dara basuh di selat,  
Sumpah warga bumi merdeka,  
Bela negara kukuh berdaulat.

(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 126)

Gara-gara terpijak keman,  
Nafas dihela lalu tercegat,  
Apabila negara sudah aman,  
Jangan pula diganggu gugat.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 17)

Pantun pertama menampilkan nilai simbolik yang tinggi terhadap semangat perjanjian dan pengorbanan sebagai asas kepada kemerdekaan sesebuah negara. Baris maksud dengan jelas menegaskan bahawa sumpah setia warga terhadap bumi merdeka haruslah diterjemahkan melalui tindakan mempertahankan kedaulatan negara. Pantun ini secara tersurat menyeru rakyat agar setia dan berpegang teguh kepada tanggungjawab mempertahankan negara. Namun, secara tersirat, pantun ini menanamkan kesedaran bahawa kemerdekaan bukanlah suatu anugerah yang bersifat kekal tanpa pengorbanan berterusan; sebaliknya, menuntut kesetiaan yang dinyatakan melalui perbuatan dan bukan hanya retorik semata-mata. Sumpah warga dalam pantun ini bukan sekadar janji kosong, tetapi suatu bentuk kontrak sosial yang menjadikan rakyat sebagai benteng utama kepada maruah dan kedaulatan negara. Penekanan kepada frasa “kukuh berdaulat” memperlihatkan bahawa kestabilan politik dan kekuatan negara berpunca daripada solidariti rakyat dalam menunaikan sumpah kenegaraan.

Pantun kedua pula menyambung naratif patriotisme ini dengan cara yang lebih bersifat amaran dan introspektif. Dalam baris maksud, pengkarya menyampaikan mesej bahawa keamanan yang telah dicapai setelah sekian lama berjuang harus dipelihara dengan sebaiknya. Secara tersurat, pantun ini membawa seruan agar kestabilan negara tidak diganggu atau dicemari oleh mana-mana pihak setelah ia berjaya dibina. Namun secara tersirat, pantun ini merupakan satu teguran sinis terhadap sebarang tindakan atau perbuatan yang boleh menggugat keharmonian negara, sama ada melalui retorik perkauman, fahaman ekstremis, atau kelalaian dalam menjaga sensitiviti sosial. Frasa “jangan pula diganggu gugat” bukan sekadar larangan, tetapi satu peringatan tentang bahayanya perpecahan dalam dan sikap tidak bertanggungjawab yang boleh merosakkan struktur sosial dan politik yang telah dibina dengan susah payah. Dalam erti kata lain, pantun ini memberi kesedaran bahawa ancaman terhadap kedaulatan tidak semestinya datang dari luar, tetapi sering kali berpunca dari dalam apabila wujud kelompok yang gagal menghargai erti keamanan dan sejarah perjuangan.

Berdasarkan cadangan elemen dan contoh yang dilihat menerusi rangkap-rangkap pantun, elemen nasionalisme sudah wujud dalam arena kepenggarangan pantun Melayu. Keberadaan pantun nasionalisme pada masa kini boleh ditelaah dan dijadikan panduan dalam usaha mendidik masyarakat agar saling bersatu padu dan menghargai negara bagi kepentingan bersama.

## FUNGSI NASIONALISME DALAM PANTUN MELAYU

Fungsi nasionalisme dalam pantun Melayu amat besar dan signifikan. Pantun bukan sahaja mengangkat keindahan bahasa dan budaya, tetapi turut menjadi saluran penting dalam memupuk jati diri, semangat kebangsaan, dan kecintaan terhadap negara. Ia membuktikan bahawa karya sastera tradisional seperti pantun memiliki kekuatan intelektual dan emosional yang mampu menyumbang kepada pembinaan negara bangsa yang kukuh dan bersatu.

### Pantun sebagai Wahana Nasionalisme

Pantun telah lama digunakan sebagai medium untuk menyampaikan pemikiran masyarakat Melayu mengenai nasionalisme. Sejak zaman kerajaan-kerajaan Melayu awal, pantun menjadi alat untuk menguatkan kesetiaan kepada raja dan negeri serta menanamkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat. Pantun sering digunakan dalam upacara rasmi, perbualan harian, dan juga dalam bidang pendidikan sebagai satu bentuk penyampaian nilai dan ajaran moral. Peranan pantun dalam menyampaikan mesej nasionalisme juga dapat dilihat dalam penggunaannya sebagai alat propaganda ketika zaman penjajahan, di mana pantun-pantun yang menekankan semangat perjuangan dan kepahlawanan dicipta bagi membangkitkan kesedaran kebangsaan.

Sebagai contoh, pantun berikut menggambarkan konsep nasionalisme dengan menekankan kepentingan mempertahankan negara:

Mayang bukan sebarang mayang,  
Mayang kelapa tangkainya panjang,  
Sayang bukan sebarang sayang,  
Sayangkan negara sanggup berjuang.

(Pantun: *Jiwa Masyarakat Melayu*, 2012: 40)

Pantun ini menunjukkan komitmen individu terhadap kedaulatan tanah air, di mana sifat cintakan tanah air adalah satu semangat yang terbesar boleh diberikan oleh individu kepada negaranya sendiri. Komitmen ini menunjukkan bahawa kepentingan negara lebih mulia dibandingkan dengan perasaan cinta yang lain dan boleh dianggap sebagai pengorbanan yang mulia dibandingkan kepentingan peribadi yang lain. Ungkapan “Sayangkan negara sanggup berjuang” membawa mesej pengorbanan demi negara, satu unsur yang menjadi asas kepada semangat nasionalisme.

### Perpaduan dan Kesepaduan Sosial

Perpaduan merupakan salah satu elemen utama dalam nasionalisme yang terkandung dalam pantun Melayu. Nilai kesepaduan sosial dan semangat bekerjasama sering dilihat dan diperkuuh melalui pantun sebagai satu bentuk peringatan kepada masyarakat agar mengekalkan keharmonian.

Sebagai contoh, pantun berikut menggambarkan konsep perpaduan yang melangkaui kaum dengan menekankan kepentingan keharmonian negara:

Atas para sayur peria,  
Kacang kelisa sama laksा,  
Tiada negara selain Malaysia,  
Pelbagai bangsa hidup sentosa.

(Pantun Pak Nazel (*101 Perkara*), 2012: 114)

Pantun ini menggambarkan semangat perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat, yang menjadi asas kepada kestabilan politik dan sosial. Perpaduan dalam masyarakat adalah elemen penting dalam membentuk semangat nasionalisme yang kukuh, kerana tanpa kesatuan, sesuatu bangsa akan mudah terpecah belah dan kehilangan identitinya. Kepelbagai etnik dan agama di Malaysia menjadikan pantun ini sangat bermakna bagi menunjukkan kesepaduan yang dimiliki di dalam kepelbagai yang sukar untuk dilihat di negara lain.

Pantun ini juga menyerlahkan rasa cinta dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap Malaysia serta penghargaan terhadap keharmonian kaum yang telah lama terjalin. Namun secara tersirat, pantun ini turut mengandungi peringatan halus bahawa nilai keharmonian dan keamanan tersebut bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan atau dianggap kekal tanpa usaha pemeliharaan. Dalam konteks sosiopolitik semasa, pantun ini boleh ditafsirkan sebagai suatu penegasan terhadap pentingnya mempertahankan prinsip-prinsip toleransi, saling menghormati, dan kerjasama antara etnik sebagai tunjang kepada kelangsungan negara. Ia juga mencerminkan kebimbangan yang tersirat bahawa perpaduan nasional boleh terancam sekiranya nilai-nilai asas tersebut diketepikan oleh generasi akan datang.

### **Nilai Agama dalam Pantun sebagai Pemangkin Semangat Nasionalisme**

Dalam konteks masyarakat Melayu, nasionalisme tidak hanya berlandaskan kepada aspek budaya dan sejarah semata-mata, tetapi turut diperkuuh dengan nilai agama, khususnya Islam. Islam memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk identiti kebangsaan Melayu, dan unsur-unsur keagamaan sering kali disampaikan melalui pantun sebagai satu bentuk peringatan dan pedoman hidup. Nilai agama dalam pantun bukan sahaja mencerminkan kepercayaan masyarakat Melayu terhadap ajaran Islam, tetapi juga berpotensi untuk memupuk semangat nasionalisme melalui prinsip keadilan, perpaduan, dan kepimpinan yang baik.

Sebagai contoh, pantun berikut menggambarkan hubungan antara ketakwaan dan kepentingan mempertahankan negara secara bersamaan:

Hutan tropika warisan berzaman,  
Flora dan fauna menggamit pelancong,  
Dalam sibuk mengejar kejayaan,  
Negara dipelihara agama dijunjung.

(Setaman Pantun Merdeka, 2007: 16)

Pantun ini menegaskan bahawa nilai nasionalisme dan agama wajar bergerak seiringan dalam memastikan kemajuan dan keharmonian dapat digarap serentak demi kepentingan negara. Perpaduan yang dianjurkan dalam Islam melalui konsep *ukhuwah* (persaudaraan) harus dijadikan asas kepada nasionalisme bagi memastikan kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat.

Pantun yang berunsurkan agama bukan sekadar menggambarkan ajaran moral semata-mata, tetapi juga menjadi alat untuk menyemai kesedaran nasionalisme yang berlandaskan prinsip moral dan etika yang tinggi. Secara tersirat, pantun ini menyampaikan penghargaan terhadap keindahan dan nilai warisan alam semula jadi serta penekanan kepada keutamaan agama sebagai asas kekuatan negara. Namun secara tersirat, pantun ini menyingkap kritikan yang halus terhadap kecenderungan masyarakat atau pemimpin yang terlalu fokus kepada

pembangunan fizikal dan kemajuan ekonomi sehingga mengabaikan aspek spiritual dan ekologi. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, pantun ini menjadi suatu suara kebijaksanaan tradisional yang mengingatkan kita tentang keperluan mengekalkan identiti dan nilai teras ketika menghadapi arus globalisasi dan materialisme. Kehadiran agama dalam baris maksud bukan sahaja mengangkat fungsi spiritual dalam kehidupan bernegara, malah menggariskan peranan agama sebagai mekanisme kawalan terhadap tingkah laku dan dasar yang digubal dalam kerangka pembangunan nasional.

### **Hak Asasi Sebagai Alat Pembangunan Nasionalisme**

Hak asasi manusia merupakan asas kepada keadilan dan kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat, termasuk dalam pembinaan semangat nasionalisme di Malaysia. Konsep hak asasi dalam konteks nasionalisme merangkumi aspek kebebasan, keadilan sosial, pendidikan, dan peluang yang saksama kepada semua rakyat. Dalam pantun Melayu, nilai hak asasi sering kali disampaikan secara tersirat melalui perlambangan dan metafora, yang menegaskan kepentingan menjaga keadilan dan kesejahteraan bagi memastikan keharmonian negara.

Pantun berikut menonjolkan pendidikan sebagai salah satu hak asasi yang menjadi teras kepada pembangunan masyarakat dan negara:

Kuih karas cucur keria,  
Cucur badak berbagai rupa,  
Pendidikan teras tamadun manusia,  
Disangkal tidak oleh sesiapa.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 55)

Pantun ini menegaskan bahawa pendidikan adalah elemen penting dalam kemajuan sesebuah tamadun dan tidak boleh dinafikan kepada sesiapa sahaja. Pendidikan bukan sekadar satu keperluan individu tetapi juga hak asasi yang harus dinikmati oleh setiap rakyat tanpa mengira latar belakang. Hal ini dapat dilihat menerusi rangkap terakhir “Disangkal tidak oleh sesiapa” yang menunjukkan kepentingan pendidikan sebagai elemen asas hak asasi manusia yang perlu dijaga. Dalam konteks nasionalisme, pendidikan memainkan peranan utama dalam membentuk warganegara yang berpengetahuan, berakhhlak, dan bertanggungjawab terhadap negara.

Hak untuk mendapat pendidikan yang saksama adalah prinsip utama dalam pembinaan negara bangsa. Apabila pendidikan diberikan secara adil kepada semua rakyat, ia dapat menghapuskan jurang sosial dan membina sebuah masyarakat yang lebih progresif. Dalam sejarah Malaysia, perjuangan untuk mendapatkan pendidikan bagi semua lapisan masyarakat merupakan salah satu aspek penting dalam gerakan nasionalisme. Dasar pendidikan kebangsaan yang diperkenalkan selepas kemerdekaan bertujuan untuk memastikan rakyat mendapat hak yang sama dalam memperoleh ilmu pengetahuan, yang seterusnya dapat memperkuuhkan perpaduan nasional dan memperkasakan identiti kebangsaan.

## Kepentingan Pembangunan Negara Dalam Menggarap Semangat Nasionalisme

Pembangunan negara merupakan salah satu elemen penting dalam membina semangat nasionalisme dalam sesebuah masyarakat. Sebuah negara yang maju dan stabil bukan sahaja bergantung kepada kekuatan ekonominya, tetapi juga pada keutuhan sosial dan keupayaan rakyatnya untuk hidup dalam harmoni. Pantun Melayu sering kali mengangkat tema pembangunan negara sebagai asas kepada kesejahteraan rakyat dan kestabilan nasional. Dalam konteks Malaysia, pembangunan negara bukan sekadar merujuk kepada kemajuan material semata-mata, tetapi juga melibatkan pembangunan minda, pendidikan, ekonomi, dan perpaduan nasional yang berasaskan nilai-nilai kebangsaan.

Pantun berikut dengan jelas menggambarkan hubungan antara kekuatan ekonomi, pendidikan, dan perpaduan sebagai asas kepada pembangunan negara yang berjaya:

Menjelang subuh membawa ubur,  
Memetik sukun ke dalam guni,  
Ekonomi kukuh pelajaran subur,  
Rakyat rukun dalam harmoni.

(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 204)

Pantun ini menekankan bahawa kestabilan ekonomi dan kecemerlangan pendidikan adalah faktor utama dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta keharmonian negara. Ia menggambarkan bagaimana pembangunan ekonomi yang kukuh dan sistem pendidikan yang baik akan membawa kepada masyarakat yang bersatu padu, yang seterusnya akan memperkuatkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat.

Perpaduan nasional turut menjadi aspek penting dalam pantun ini, di mana ia menekankan bahawa rakyat yang hidup dalam keadaan rukun dan harmoni adalah asas kepada kestabilan negara. Tanpa perpaduan, segala usaha pembangunan ekonomi dan pendidikan tidak akan mencapai kejayaan yang diharapkan. Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum memerlukan perpaduan yang kukuh untuk memastikan bahawa setiap rakyat dapat hidup dalam suasana yang aman dan saling menghormati antara satu sama lain. Semangat nasionalisme yang berteraskan perpaduan akan membolehkan rakyat bekerjasama dalam membangunkan negara tanpa mengira latar belakang etnik dan agama.

## Kelestarian Budaya Pemangkin Semangat Nasionalisme

Kelestarian budaya merupakan satu elemen penting dalam memupuk semangat nasionalisme kerana ia berfungsi sebagai asas kepada identiti kebangsaan. Budaya yang diwarisi oleh sesuatu bangsa bukan sahaja mencerminkan sejarah dan nilai-nilai masyarakatnya, tetapi juga menjadi sumber kebanggaan serta kekuatan dalam menghadapi cabaran globalisasi dan perubahan zaman. Dalam konteks Malaysia, kelestarian budaya merangkumi pelbagai aspek seperti bahasa, adat resam, seni warisan, dan nilai-nilai tradisional yang menjadi tunjang kepada keunikan negara ini.

Pantun berikut dengan jelas menekankan kepentingan kelestarian budaya dalam membentuk jati diri bangsa dan mengukuhkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat:

Hari redup berarak mega,  
Berarak mega sampai ke pagi,  
Marilah hidup warisan bangsa,  
Kalau tak kita siapa lagi.

(*Rampai Sari Pantun*, 2017: 121)

Pada rangkap kedua, baris 'Marilah hidup warisan bangsa,' dilihat membawa seruan kepada seluruh masyarakat untuk mengambil tanggungjawab dalam memastikan warisan budaya terus hidup dan tidak lenyap ditelan arus kemodenan. Seruan ini menggambarkan bahawa kelestarian budaya bukanlah tugas individu tertentu sahaja, tetapi merupakan tanggungjawab kolektif seluruh bangsa. Budaya yang diwarisi daripada nenek moyang tidak akan dapat bertahan tanpa usaha yang berterusan daripada generasi muda untuk meneruskan tradisi dan mengadaptasi elemen-elemen budaya ini dalam kehidupan moden.

Baris terakhir pantun yang dinyatakan mengandungi mesej yang mendalam mengenai kepentingan peranan setiap individu dalam memastikan kesinambungan budaya. Frasa ini menegaskan bahawa jika rakyat sendiri tidak menghargai dan mempertahankan warisan budaya mereka, maka tiada siapa lagi yang akan melakukannya. Ini juga membawa maksud bahawa identiti kebangsaan hanya dapat dikekalkan sekiranya rakyat sendiri mempunyai kesedaran untuk memelihara budaya mereka. Semangat nasionalisme yang sejati bukan sekadar mencintai negara dalam aspek politik atau ekonomi, tetapi juga merangkumi usaha dalam memelihara budaya yang menjadi asas kepada keunikan bangsa.

### Nilai Keamanan Sebagai Simbol Semangat Nasionalisme

Keamanan merupakan asas kepada kestabilan dan kesejahteraan sesebuah negara. Sebuah negara yang aman membolehkan rakyatnya hidup dalam keharmonian, menikmati pembangunan ekonomi, serta mempertahankan identiti budaya tanpa ancaman luar atau pergolakan dalaman. Dalam konteks nasionalisme Malaysia, keamanan bukan sahaja merujuk kepada ketiadaan konflik fizikal, tetapi juga melibatkan perpaduan sosial, kestabilan politik, serta kesejahteraan ekonomi dan budaya. Pantun Melayu sering menekankan kepentingan menjaga keamanan negara sebagai satu tanggungjawab bersama bagi memastikan kesinambungan kehidupan yang harmoni dan kemakmuran bangsa.

Pantun berikut dengan jelas mengangkat nilai keamanan sebagai satu elemen penting dalam membentuk semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia:

Permata Mutiara sangat berharga,  
Cincin ditempat mengambil masa,  
Keamanan negara perlu dijaga,  
Jangan dihampa pengorbanan bangsa.

(*Pantun Pak Nazel (101 Perkara)*, 2012: 17)

Pantun ini membawa mesej yang mendalam mengenai pentingnya keamanan sebagai tunjang kepada kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat. Pada rangkap ketiga pantun ini, 'Keamanan negara perlu dijaga,' menyampaikan mesej secara langsung bahawa keamanan adalah tanggungjawab bersama. Tanpa keamanan, negara akan menghadapi ancaman seperti ketidakstabilan politik, pergolakan sosial, dan kemunduran ekonomi. Oleh itu, rakyat perlu

memainkan peranan dalam memastikan keamanan dengan menghormati undang-undang, mengamalkan sikap toleransi antara kaum dan agama, serta menolak sebarang bentuk ekstremisme yang boleh menggugat keharmonian negara.

Akhir sekali, baris "Jangan dihampa pengorbanan bangsa," menegaskan kepentingan menghargai pengorbanan generasi terdahulu yang telah berjuang untuk mencapai keamanan dan kemerdekaan. Keamanan yang dinikmati hari ini bukanlah sesuatu yang diperoleh dengan mudah, tetapi merupakan hasil daripada perjuangan dan pengorbanan para pejuang tanah air, termasuk pemimpin terdahulu, anggota keselamatan, dan rakyat yang berjuang menentang penjajahan serta ancaman luar. Oleh itu, rakyat harus menghormati sejarah perjuangan ini dengan memastikan bahawa keamanan negara tidak disia-siakan atau digugat oleh tindakan yang boleh membawa kepada perpecahan dan ketidakstabilan.

## KESIMPULAN

Pantun yang bertemakan pemikiran nasionalisme mengangkat isu-isu penting seperti kepentingan mempertahankan tanah air, keutuhan bangsa, dan kecintaan terhadap warisan budaya. Unsur kepahlawanan dan kedaulatan yang sering muncul dalam pantun menggambarkan bagaimana masyarakat Melayu sejak dahulu telah menanamkan nilai keberanian dan pengorbanan demi mempertahankan maruah bangsa. Selain itu, nilai perpaduan dan keharmonian yang sering ditegaskan dalam pantun membuktikan bahawa semangat nasionalisme bukan sekadar soal kedaulatan fizikal, tetapi juga merangkumi keutuhan sosial dan kesepaduan dalam masyarakat berbilang kaum.

Secara keseluruhannya, pantun Melayu adalah cerminan minda dan jiwa bangsa yang kaya dengan semangat nasionalisme. Pantun bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi budaya tetapi juga sebagai wahana pendidikan yang berkesan dalam membina kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat Malaysia. Justeru, dalam menghadapi cabaran zaman moden, adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat untuk memastikan bahawa nilai-nilai yang terkandung dalam pantun terus dihargai, dipelihara, dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Dengan memahami dan menghayati pantun sebagai khazanah kebangsaan yang sarat dengan mesej patriotisme, masyarakat Malaysia dapat terus memperkuuh jati diri bangsa dan mempertahankan kedaulatan negara dengan semangat yang tidak luntur oleh perubahan zaman.

## RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. 2000. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Aziz Abdul Rahman, Abdul Razaq Ahmad, Mohd. Mahzan Awang. 2019. *Patriotisme dan Toleransi Kaum Antara Belia Malaysia: Hasrat dan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim R. 2017. *Rampai Sari Pantun: Teknik Mencipta dan Membalas Pantun*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Anderson, Benedict. 2006. *Imagined Communities: Reflection on the Origin and Spread of Nationalism*. London. Verso

- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2013. *Kurik Kundi Merah Saga* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gellner, E. 2015. *Nations and Nationalism. In Conflict after the Cold War*. Routledge.
- Hj. Mohd Yasin Ahmad. 2012. *Pantun Jiwa Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
- Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, Dasar Kebudayaan Negara 2021 (DAKEN 2021).
- Kohn, Hans. 1965. *Nationalism: Its Meaning and History*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Md Salleh Yaapar. 2007. *Setaman Pantun Merdeka*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nazel Hashim Mohamad. 2012. *Pantun Pak Hazel: 101 Perkara*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Nazel Hashim Mohamad. 2017. *Pantun Pak Hazel: Sejujur Kata Seikhlas Hati*. Kangar: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- Portal Pantun Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA UKM).  
<https://malaycivilization.com.my/>
- Rais Yatim. 2013. *Pantun & Bahasa Indah: Jendela Budaya Melayu*. Endowment Publications.
- Salleh, Muhammad Haji. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

### Biodata Penulis:

**Awang Sufi Udin** merupakan pelajar berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) dari Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2021. Kini merupakan pelajar Sarjana Falsafah (Kesusasteraan Melayu) di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang puisi tradisional.

**Zubir Idris (PhD)** adalah Doktor Falsafah dalam bidang Kesusasteraan Melayu Tradisional. Beliau merupakan Pensyarah Kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan Kajian Manuskrip Melayu dan Historiografi Melayu Tradisional.